



TERMA DAN SYARAT KEMPEN SALARY TRANSFER 2025 SALARY TRANSFER CAMPAIGN 2025 TERMS AND CONDITIONS

1. TEMPOH KEMPEN / CAMPAIGN PERIOD

- 1.1 Kempen **Salary Transfer Campaign 2025** (“**Kempen**”) dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) akan berlangsung dari **1 Oktober 2025 – 31 Januari 2026** (“**Tempoh Kempen**”) melainkan dinyatakan sebaliknya oleh BSN.

*The **Salary Transfer Campaign 2025** (“**Campaign**”) is organized by Bank Simpanan Nasional (BSN) commencing from 1st October 2025 – 31st January 2026 (“**Campaign Period**”), unless notified otherwise by BSN.*

- 1.2 Tertakluk kepada apa-apa perubahan berkaitan Kempen yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa, BSN berhak untuk meminda Tempoh Kempen pada bila-bila masa, dengan memberi notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah sebelum pindaan berkuat kuasa.

Subject to any changes in relation to the Campaign which are to be determined by BSN from time to time, BSN reserves the right to amend, vary or extend the Campaign Period at any time, by giving a prior notice within the period BSN deems reasonable before the changes take effect.

2. KELAYAKAN / ELIGIBILITY

- 2.1 Semua pelanggan yang memenuhi syarat-syarat di bawah layak untuk menyertai Kempen ini (“**Pelanggan yang Layak**”):

*All customers that meet the following criterias are eligible to participate in this Campaign (“**Eligible Customer**”):*

- a) Pelanggan yang telah membuka akaun baharu dan/atau mempunyai akaun BSN Giro/-i Premium Akaun Individu, BSN Giro/-i Individu dan BSN GIRO/-i eSaver (“**Akaun**”) sedia ada;

*The Customer has opened a new account and/or maintained an existing BSN Giro/-i Premium Individual account, BSN Giro/-i Individual Account and BSN GIRO/-i eSaver. (“**Account**”);*

- b) Pelanggan perlu memastikan akaun BSN Giro/-i Premium Akaun Individu, BSN Giro/-i Individu dan BSN GIRO/-i eSaver mereka aktif sepanjang Tempoh Kempen berlangsung. Bagi Pelanggan yang membuka Akaun semasa Tempoh Kempen berlangsung, Pelanggan perlu memastikan bahawa Akaun mereka kekal aktif selepas Akaun mereka dibuka sehingga Tempoh Kempen berakhir.

The Customer shall ensure that their BSN Giro/-i Premium Individual account, BSN Giro/-i Individual Account and BSN GIRO/-i eSaver is active throughout the Campaign Period. If the Customer opens their Account during the Campaign Period, the Customer must ensure their Account is active following the Account opening until the end of the Campaign Period.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN SALARY TRANSFER 2025

SALARY TRANSFER CAMPAIGN 2025 TERMS AND CONDITIONS

2.2 Entiti-entiti yang berikut TIDAK LAYAK untuk menyertai Kempen ini:

The following entities/ individuals shall NOT BE ELIGIBLE to participate in the Campaign:

- a) Kakitangan tetap dan/atau kontrak BSN dan anak syarikatnya dan/atau syarikat-syarikat berkaitan; dan

Permanent and/or contract employees of BSN and its subsidiaries and/or related companies; and

- b) Pelanggan yang mempunyai sebarang akaun dengan BSN yang dipercayai telah dioperasikan secara penipuan atau tidak sah, telah digantung, ditutup, dibatalkan, delinkuen atau yang melanggar perjanjian mereka dengan BSN.

Customers whose accounts with BSN are believed to be operated fraudulently or which have been invalidated, suspended, closed, cancelled, delinquent or who are in breach of their agreement with BSN.

3. MEKANISME KEMPEN / CAMPAIGN MECHANISME

Kelayakan Pelanggan

Customer Eligibility

A) Pelanggan Baru

New Customer

- 3.1 Pelanggan yang Layak mesti membuka akaun BSN Giro/-i Premium atau BSN Giro/-i Individu atau BSN GIRO/-i eSaver (yang ditandakan sebagai akaun gaji).

Eligible Customers must open a BSN Giro/-i Premium or BSN Giro/-i Individual account or BSN GIRO/-i eSaver (tagged as a salary account).

- 3.2 Pelanggan yang Layak mesti mengkreditkan gaji ke dalam akaun BSN sepanjang Tempoh Kempen.

Eligible Customers must credit their salary to BSN during the Campaign Period.

- 3.3 Gaji bulanan minimum sebanyak RM1,500 mesti dikreditkan ke dalam akaun sekurang-kurangnya sekali sepanjang Tempoh Kempen.

A minimum monthly salary of RM1,500 is credited into the account at least once during the Campaign Period.

- 3.4 Pelanggan yang Layak mesti mengekalkan baki minimum akhir bulan sebanyak RM1,000 dalam akaun mereka pada akhir Tempoh Kempen.

Eligible Customers must maintain a minimum month-end balance of RM1,000 in their account at the end of the Campaign Period.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN SALARY TRANSFER 2025
SALARY TRANSFER CAMPAIGN 2025 TERMS AND CONDITIONS

B) Pelanggan Sedia Ada- Pemindahan Gaji Kali Pertama
Existing Customer - First Time Salary Transfer

- 3.5 Pemegang akaun BSN yang memindahkan gaji ke BSN buat kali pertama sepanjang Tempoh Kempen.
BSN account holders who transfer their salary to BSN for the first time during the Campaign Period.
- 3.6 Pelanggan yang Layak perlu memastikan akaun sedia ada mesti ditandakan sebagai akaun gaji. Bagi akaun yang belum ditandakan, pelanggan hendaklah hadir ke cawangan BSN terdekat dengan membawa surat sokongan daripada majikan (contohnya Surat Pengesahan Majikan) bersama kad pengenalan.
Eligible customers must ensure that their existing account is tagged as a salary account. For accounts that have not been tagged, customers are required to visit the nearest BSN branch with a supporting letter from their employer (e.g., Employer Confirmation Letter) and their identification card.
- 3.7 Gaji bulanan minimum sebanyak RM1,500 mesti dikreditkan ke dalam akaun sekurang-kurangnya sekali sepanjang Tempoh Kempen.
A minimum monthly salary of RM1,500 is credited into the account at least once during the Campaign Period.
- 3.8 Pelanggan yang Layak mesti mengekalkan baki minimum akhir bulan sebanyak RM1,000 dalam akaun mereka pada akhir Tempoh Kempen.
Eligible Customers must maintain a minimum month-end balance of RM1,000 in their account at the end of the Campaign Period.

C) Pelanggan Akaun Gaji Sedia Ada
Existing Salary Account Customers

- 3.9 Pelanggan yang Layak mesti memastikan gaji minimum sebanyak RM1,500 dimasukkan ke dalam akaun BSN mereka setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen.
Eligible Customers must ensure a minimum salary of RM1,500 is credited into their BSN account each month during the Campaign Period.
- 3.10 Pelanggan yang Layak perlu menambah deposit minimum RM1,000 berbanding baki sebelum Kempen bermula.
Eligible Customers must make an incremental deposit of at least RM1,000 compared to the balance held before the Campaign start.

Nota / Notes:

Pelanggan yang Layak akan menerima satu (1) penyertaan setiap bulan bagi setiap RM1,000 baki tambahan yang dikekalkan pada akhir bulan.
Eligible Customers are entitled to earn one (1) entry per month for every RM1,000 of incremental balance maintained at month-end.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN SALARY TRANSFER 2025
SALARY TRANSFER CAMPAIGN 2025 TERMS AND CONDITIONS

4. HADIAH KEMPEN / CAMPAIGN PRIZES

- 4.1 69 pemenang (“Pemenang”) akan dipilih berdasarkan cabutan secara rawak seperti yang dinyatakan di Klausa 5 di bawah.

69 winners (“Winner”) will be selected based on random draw as specified in Clause 5 below.

- 4.2 Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati

Grand Prizes and Consolidation Prizes

Hadiah Utama Grand Prize	Jumlah Pemenang No of Winner	Hadiah Tunai (RM) Cash Prizes
	1	10,000
Hadiah Saguhati Consolation Prizes	3	5,000
	5	1,000
	10	500
	50	100

A) Pelanggan Baharu Dan Sedia Ada (Pemindahan Gaji Kali Pertama)
New And Existing Customers (First Time Salary Transfer)

Senario 1

Scenario 1:

Bulan Month	Okt	Nov	Dis	Jan
Pengkreditan gaji <i>Salary crediting</i>	0	0	0	1500
Baki Akhir Bulan <i>Month-End Balance</i>	0	0	0	1000
Penyertaan <i>Entry</i>	-	-	-	1
Jumlah Penyertaan <i>Total Entry</i>	1			

- Pelanggan yang Layak menerima gaji sebanyak RM1,500 ke dalam akaun BSN pada Januari 2026 dan mengekalkan baki akhir bulan minimum sebanyak RM1,000 pada akhir Tempoh Kempen. Pelanggan yang Layak berhak menerima satu (1) penyertaan untuk cabutan hadiah.

Customers received their salary of RM1,500 into their BSN account in January 2026 and maintain a minimum month-end balance of RM1,000 at the end of the Campaign Period. Customer entitled to one (1) entry for the prize draw.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN SALARY TRANSFER 2025

SALARY TRANSFER CAMPAIGN 2025 TERMS AND CONDITIONS

Senario 2

Scenario 2:

Bulan Month	Okt	Nov	Dis	Jan
Pengkreditan gaji Salary crediting	0	0	0	1400
Baki Akhir Bulan Month-End Balance	0	0	0	600
Penyertaan Entry	-	-	-	-
Jumlah Penyertaan Total Entry	-			

- Pelanggan yang Layak menerima gaji sebanyak RM1,400 ke dalam akaun BSN pada Januari 2026 dan hanya mengekalkan baki akhir bulan minimum sebanyak RM600 pada akhir Tempoh Kempen. Pelanggan yang Layak ini tidak berhak menerima sebarang penyertaan kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Eligible Customers received their salary of RM1,400 into their BSN account in January 2026 and only maintain a minimum month-end balance of RM600 at the end of the Campaign Period. This Eligible Customer does not qualify for any entry due to not meeting the criteria.

Senario 3

Scenario 3:

Bulan Month	Okt	Nov	Dec	Jan
Pengkreditan gaji Salary crediting	0	1500	1500	1500
Baki Akhir Bulan Month-End Balance	0	500	1000	1000
Penyertaan Entry	-	-	1	1
Jumlah Penyertaan Total Entry	2			

- Pelanggan yang Layak menerima gaji sebanyak RM1,500 ke dalam akaun BSN pada November 2025 hingga Januari 2026 dan mengekalkan baki akhir pada bulan Disember 2025 dan Januari 2026 sebanyak RM1,000. Pelanggan yang Layak berhak menerima dua (2) penyertaan untuk cabutan hadiah.

Eligible Customers receive a salary of RM1,500 into their BSN account from November 2025 to January 2026 and maintain a month-end balance of RM1,000 in December 2025 and January 2026. The Eligible Customers will be entitled for two (2) entries into the prize draw.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN SALARY TRANSFER 2025
SALARY TRANSFER CAMPAIGN 2025 TERMS AND CONDITIONS

B) Pelanggan Sedia Ada
Existing Customers

Senario 1

Scenario 1:

Bulan Month	Sep	Okt	Nov	Dis	Jan
Pengkreditan gaji Salary crediting	1500	1550	1600	1550	1500
Baki Akhir Bulan Month-End Balance	2000	3000	3000	3000	4000
Penyertaan Entry	-	1	1	1	2
Jumlah Penyertaan Total Entry	5				

- Gaji bulanan minimum sebanyak RM1,500 dimasukkan ke dalam akaun BSN Pelanggan yang Layak sepanjang Tempoh Kempen. *A minimum monthly salary of RM1,500 credited into Eligible Customers' BSN accounts throughout the Campaign Period.*
- Pelanggan yang Layak membuat deposit tambahan minimum RM1,000 berbanding baki yang disimpan sebelum permulaan Kempen. *Eligible Customers make an incremental deposit of at least RM1,000 compared to the balance held before the Campaign start.*
- Setiap RM1,000 yang dikekalkan sebagai baki pada akhir bulan sepanjang Tempoh Kempen melayakkan Pelanggan yang Layak untuk satu (1) penyertaan bagi setiap bulan. *Each RM1,000 maintained as the month-end balance throughout the Campaign Period qualifies for one (1) entry per month.*
- Pelanggan yang Layak berhak menerima lima (5) penyertaan untuk cabutan hadiah. *The Eligible Customer entitled to five (5) entries for the prize draw.*

Senario 2

Scenario 2:

Bulan Month	Sep	Okt	Nov	Dis	Jan
Pengkreditan gaji Salary crediting	1500	1550	1600	1550	1500
Baki Akhir Bulan Month-End Balance	500	1500	1500	500	1000
Penyertaan Entry	-	1	1	-	-
Jumlah Penyertaan Total Entry	Not Entitled				



TERMA DAN SYARAT KEMPEN SALARY TRANSFER 2025 SALARY TRANSFER CAMPAIGN 2025 TERMS AND CONDITIONS

- Gaji bulanan minimum sebanyak RM1,500 dimasukkan ke dalam akaun BSN Pelanggan yang Layak sepanjang Tempoh Kempen.
A minimum monthly salary of RM1,500 credited into Eligible Customers' BSN accounts throughout the Campaign Period.
- Pelanggan yang Layak membuat deposit tambahan sekurang-kurangnya RM1,000 pada bulan Oktober 2025 dan November 2025, tetapi Pelanggan yang Layak gagal mengekalkan baki akhir tersebut pada bulan Disember 2025 dan Januari 2026.
The Eligible Customers made additional deposits of at least RM1,000 in October 2025 and November 2025, but failed to maintain the ending balance in December 2025 and January 2026.
- Pelanggan yang Layak tidak layak menerima sebarang penyertaan di dalam Kempen ini.
Eligible Customers are not entitled to any entries in this Campaign.

5. PEMILIHAN PEMENANG / WINNERS SELECTION

- 5.1 Pemilihan Pemenang adalah melalui proses cabutan secara rawak ke atas Pelanggan yang Layak yang dipantau oleh pegawai BSN.
The selection of the Winners is through a random draw process of the Eligible Customers which will be observed by BSN's staff.
- 5.2 Pemilihan Pemenang akan dipilih melalui setiap RM1,000 yang dikekalkan sebagai baki pada akhir bulan yang melayakkan Pelanggan yang Layak untuk satu (1) penyertaan bagi setiap bulan.
Selection of Winners will be selected through each RM1,000 maintained as the month-end balance that qualifies the Eligible Customers for one (1) entry per month.
- 5.3 Nama Pemenang akan dimaklumkan dalam tempoh 60 hari selepas tamat Tempoh Kempen.
The name of the Winners will be announced within 60 days after the Campaign Period ends.
- 5.4 Butiran semua Pemenang (Nama Syarikat) akan dipaparkan di www.bsn.com.my ("**Laman Sesawang BSN**") dan/atau halaman media sosial rasmi BSN atau melalui mana-mana kaedah komunikasi yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa dan paparan tersebut telah dipersetujui oleh Pemenang.
*The Winner's details (Company Name) will be published at www.bsn.com.my ("**BSN's Website**") and/or BSN's official social media pages or any other mode of communication determined by BSN from time to time and the publication is consented by the Winner.*
- 5.5 Pemenang akan dimaklumkan melalui telefon dan/atau surat dan/atau mana-mana kaedah lain yang dianggap sesuai oleh BSN.
The Winners will be notified by telephone calls and/or mail and/or any other method(s) deemed suitable by BSN.
- 5.6 BSN berhak untuk memilih Pemenang seterusnya untuk menggantikan mana-mana Pemenang yang mungkin tidak layak atau tidak dapat dihubungi selepas dua (2) kali percubaan atau hilang kelayakan atas apa-apa jua sebab lain pada bila-bila masa.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN SALARY TRANSFER 2025

SALARY TRANSFER CAMPAIGN 2025 TERMS AND CONDITIONS

BSN reserves the right to select the next Winner to substitute any Winner who may be ineligible or fails to be contacted after two 2 attempts or disqualified for any reason whatsoever at any time.

- 5.7 Semua Pemenang dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan sepertimana diminta oleh BSN, jika ada, untuk tujuan pengesahan.

All Winners are required to submit relevant supporting document as requested by BSN, if any for verification purposes.

- 5.8 BSN berhak dengan budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana wang tunai dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis jika Hadiah tersebut tidak tersedia atas apa jua alasan. Semua Hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan kredit, barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

BSN reserves the right in its sole discretion to substitute any of the cash prizes with items of equivalent value, at any time without prior notice if the awarded Prizes are unavailable for any reason whatsoever. All Prizes are given on an "as is" basis and are not exchangeable for credit, other items or voucher, in part or in full.

- 5.9 Semua Pelanggan yang Layak mesti mematuhi Terma dan Syarat BSN bagi Kempen ini serta Terma dan Syarat yang disertakan dengan Hadiah, sekiranya ada.

All Eligible Customers shall abide to the Terms and Condition of BSN for this Campaign and the Terms and Conditions attached to the Prize, if any.

- 5.10 BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu kepada mana-mana Pelanggan yang Layak berhubung penyertaan dalam Kempen ini.

BSN does not guarantee and does not promise any specific results to the Eligible Customers in relation to the participation in this Campaign.

6. HAK BANK / BANK'S RIGHT

- 6.1 BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menarik balik, menggantung atau membatalkan Kempen ini sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peserta yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right to modify, suspend, withdraw or cancel this Campaign in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Customer directly or indirectly, caused by the changes.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN SALARY TRANSFER 2025

SALARY TRANSFER CAMPAIGN 2025 TERMS AND CONDITIONS

- 6.2 BSN berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan yang Layak yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memberikan kesan buruk kepada Kempen ini.

BSN reserves the right, in its discretion, to disqualify any Eligible Customers that is found or suspected of tampering with the Campaign's process, the operation of this Campaign or to be in violation of the Terms and Conditions of this Campaign. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign.

7. LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

- 7.1 Pelanggan yang Layak dan/atau Pemenang adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.

The Eligible Customer and/or Winner shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.

- 7.2 Sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung untuk menyertai Kempen ini dan/atau menuntut Hadiah termasuk tetapi tidak terhad kepada kos untuk pengangkutan, penginapan, makan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain (mana-mana yang berkaitan) adalah di bawah tanggungjawab penuh Peserta Yang Layak / Pemenang.

Any cost, fee and/or expenses incurred or to be incurred to participate in this Campaign and/or to redeem the Prizes including but not limited to the cost for transportations, accommodation, meals, personal costs and/or any other costs (whichever is relevant) is the sole responsibility of the Eligible Customers / Winners.

- 7.3 Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab untuk atau bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang disebabkan oleh operasi Akaun yang dibuka oleh Pelanggan yang Layak dengan Bank melainkan kerugian tersebut adalah secara langsung disebabkan oleh kecuaiian pihak Bank secara sengaja.

The Eligible Customer hereby agrees that Bank shall not be responsible for or liable to the Customer for any loss incurred by the operation of the Account opened by the Eligible Customer with the Bank unless such loss is directly attributed to the wilful negligence of the Bank.

- 7.4 BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Kempen ini.

BSN is not responsible for technical issues that prevent any individual from participating in this Campaign.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN SALARY TRANSFER 2025

SALARY TRANSFER CAMPAIGN 2025 TERMS AND CONDITIONS

- 7.5 BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu kepada mana-mana Pelanggan yang Layak berhubung penyertaan Kempen ini.

BSN cannot guarantee and does not promise any specific results to any Eligible Customer in relation to the participation in this Campaign.

8. DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

- 8.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini dikumpulkan, direkodkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, selaras dengan Polisi Privasi BSN yang boleh didapati di Laman Web BSN:

By participating in this Campaign, the Eligible Customers hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consent to their personal details including without limitation to, the personal data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Campaign being collected, recorded, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any, in accordance with BSN's Privacy Policy which may be viewed on BSN's website:

- a) untuk tujuan Kempen ini serta untuk tujuan promosi selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di www.bsn.com.my ("Laman Sesawang BSN"); atau
to use and disclose the Personal Data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Campaign and for promotional purposes in accordance with BSN's Privacy Notice, which may be viewed on www.bsn.com.my ("BSN's Website"); or
- b) untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau
to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or
- c) untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau
to comply with a Court order or direction; or
- d) untuk mengesahkan status akaun Pelanggan yang Layak dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan); atau
to verify the Eligible Customers' account status with any third party (if relevant); or
- e) apabila diminta secara bertulis oleh Pelanggan yang Layak; atau
where the Eligible Customers request in writing; or
- f) untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN.
to protect and defend BSN or BSN's asset.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN SALARY TRANSFER 2025 SALARY TRANSFER CAMPAIGN 2025 TERMS AND CONDITIONS

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN, terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN akan diguna pakai.

In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with the terms and conditions under the BSN's Privacy Policy, the terms and conditions under the BSN's Privacy Policy shall prevail

- 8.2 Pelanggan Yang Layak memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun Pelanggan Yang Layak atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut, jika berkaitan.

The Eligible Customers hereby authorises BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the Eligible Customer's account or banking services and authorises such disclosure by such person, if relevant

- 8.3 Pelanggan Yang Layak mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

The Eligible Customers have the right at any time to:

- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
withdraw their consent for the use of personal data;
- b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan
request for any correction/update of personal data; and
- c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi dengan menghubungi BSN seperti mana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.
raise any questions regarding the use of personal data by contacting BSN; as stated in the BSN's Privacy Policy.

- 8.4 Pelanggan yang Layak bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Kempen dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Kempen oleh Pelanggan yang Layak yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Pelanggan yang Layak.

The Eligible Customer agrees that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in this Campaign and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Eligible Customer's participation in the Campaign associated with such Personal Data by giving notice to the Eligible Customer.

9. TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

- 9.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dianggap telah bersetuju:

By participating in this Campaign, all Eligible Customers deemed to have agreed:



TERMA DAN SYARAT KEMPEN SALARY TRANSFER 2025
SALARY TRANSFER CAMPAIGN 2025 TERMS AND CONDITIONS

- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, Terma dan Syarat bagi Akaun Islamik, Terma dan Syarat bagi Akaun Konvensional dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan; dan
To be bound by the Terms and Conditions herein, Terms and Conditions for Islamic Account, Terms and Conditions for Conventional Account and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and
- b) Untuk mengakses Laman Sesawang BSN dan / atau mana- mana halaman media sosial rasmi BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Pelanggan Yang Layak sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.
To access BSN's Website and / or any BSN's official social media page on a regular basis to ensure that the Eligible Customers are updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.

9.2 Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Pelanggan yang Layak, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.
All BSN's decisions relating to the Campaign is final, binding on all Eligible Customers, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.

9.3 Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen dan/atau Hadiah.
In no event will BSN be responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign and/or Prizes.

9.4 BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak dan/atau Pemenang yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.
BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by Eligible Customers and/or Winners resulting, directly or indirectly, from participation in the Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be liable for any default of its obligation under the Campaign due to any force majeure event which includes



TERMA DAN SYARAT KEMPEN SALARY TRANSFER 2025
SALARY TRANSFER CAMPAIGN 2025 TERMS AND CONDITIONS

but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.

- 9.5 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dan/atau Pemenang memberi kebenaran kepada BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumat Peserta yang Layak untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang serta pengumuman pemenang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN. Peserta Yang Layak dan Pemenang tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk ganti rugi ke atas butiran yang diterbitkan atau dipamerkan tersebut.

By participating in this Campaign, the Eligible Customers and/or Winners consent to BSN the right to publish or display the name, picture or any other information of the Eligible Customers for current and future advertising and promotional purposes in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate. The Eligible Customers and/or the Winners announcement are not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised.

- 9.6 BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Kempen, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Kempen, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui maklumat di Laman Sesawang BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Peserta yang Layak dan/atau Pemenang.

BSN reserves the right at its discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Customers and/or Winner(s).

- 9.7 Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Pelanggan yang Layak dan/atau Pemenang dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Pelanggan yang Layak dan/atau Pemenang melalui paparan di BSN atau melalui notis yang dihantar oleh BSN atau pengiklanan di halaman media sosial rasmi BSN atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak dan/atau Pemenang yang menyertai Kempen ini secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan tersebut.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN SALARY TRANSFER 2025
SALARY TRANSFER CAMPAIGN 2025 TERMS AND CONDITIONS

Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Customers and/or Winners and be deemed to be brought to the Cardmembers and/or Winners attention and knowledge by its display at BSN or by notice being sent by BSN or by advertisement at BSN's official social media page or BSN Website or by any other mode which BSN deems fit. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Customers and/or Winners who participate in this Campaign directly or indirectly, caused by such changes.

- 9.8 Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara pihak BSN.

In the event of any inconsistencies between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not covered in these Terms and Conditions will be determined solely by BSN at its discretion.

- 9.9 Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

- 9.10 Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Kempen ini, sila layari www.bsn.com.my.

For more information and query relating to the Campaign, please visit www.bsn.com.my.

- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -
- END OF CAMPAIGN TERMS AND CONDITIONS-